

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
menyatakan :-**

- (a) langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan keberadaan atau kecukupan minyak masak untuk keperluan pengguna; dan
- (b) apakah Kementerian mempunyai satu nilai penggunaan yang menjadi rujukan bagi memastikan kecukupan bekalan terutama penggunaan isi rumah dan langkah-langkah yang akan diambil pada masa hadapan supaya harga minyak masak sentiasa berada pada paras yang tidak membebankan pengguna. Apakah penambahbaikan oleh Kementerian bagi memastikan bekalan sentiasa cukup berada di pasaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan keberadaan atau kecukupan minyak masak untuk keperluan pengguna, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 60 ribu tan metrik minyak masak bersubsidi setiap bulan.
2. Ketetapan ini dibuat dengan anggaran penggunaan minyak masak oleh rakyat Malaysia secara purata sebanyak 1.5kg hingga 2kg bagi setiap bulan. Pengagihan juga mengambil kira nisbah penduduk mengikut negeri di dalam negara.
3. Bagi memastikan harga minyak masak terus stabil dan berada di paras yang tidak membebankan, Kerajaan masih meneruskan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) dengan memastikan harga jualan minyak masak bersubsidi dijual pada harga yang ditetapkan iaitu pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu RM2.50 bagi setiap pek polibeg 1kg.
4. Sebagai langkah penambahbaikan untuk memastikan bekalan minyak masak mencukupi di dalam negara, Kementerian bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta persatuan pengusaha minyak masak di dalam negara seperti *Malaysia Edible Oil Manufacturers Association* (MEOMA) untuk memastikan keperluan rakyat Malaysia diberikan keutamaan. Sebagai contoh, Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) adalah merupakan kawalan harga minyak masak di dalam botol yang telah dilaksanakan hasil kerjasama pelbagai pihak untuk memastikan minyak masak di dalam bungkusan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg juga dapat disediakan pada harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.